



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Rabu, Oktober 05, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

CARI

| A- | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Pelajar UPM anjur Program Mobiliti Tour of Knowledge D'Aussie 2016



Oleh: Nur Azira Ajal SYDNEY - Kelab Mahasiswa Matematik dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program tahunan mereka - program mobiliti ke luar negara - selama 10 hari di Sydney, Australia dari 29 Ogos hingga 7 September 2016. Program Tour of Knowledge D'Aussie 2016 yang diketuai Nor Fatimahtul Zuhrah Sulaiman sebagai Pengarah program diadakan di Macquarie University, New South Wales, Australia dengan tajaan daripada Imagesfound Media. Program disertai 14 pelajar Fakulti Sains yang terdiri daripada Jabatan Matematik, Kimia dan Biologi. Program bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah para peserta secara menyeluruh melalui interaksi formal dan tidak formal bersama warga setempat dalam setiap aktiviti yang disertai. Selain itu, melalui program berkenaan persefahaman dan jaringan hubungan bersama masyarakat di Australia dapat diperkukuhkan di samping memahami budaya serta cara hidup masyarakat setempat.

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 05 Oct 2016

